

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI  
Tajuk : MALAM ANUGERAH KUALITI LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG  
Lokasi : MING COURT VISTA HOTEL KUALA LUMPUR  
Tarikh : 15-11-1996

1. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur majlis kerana sudi menjemput saya merasmikan Majlis Anugerah Kualiti Lembaga Pertubuhan Peladang pada malam ini. Saya ingin juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah di atas kejayaan LPP memenangi Anugerah Kualiti Ketua Setiausaha Negara 1996 dan juga Anugerah Piagam Pelanggan Terbaik 1996 baru-baru ini.

2. Kejayaan LPP dalam merangkul anugerah-anugerah ini jelas membuktikan bahawa LPP amat beriltizam dan berupaya menerapkan budaya kualiti di dalam organisasinya. Sudah tentu kejayaan-kejayaan seperti ini akan menjadi pemangkin ke arah pencapaian-pencapaian lain yang lebih tinggi di masa- masa akan datang.

3. Saya percaya kejayaan yang dicapai ini adalah hasil daripada kewibawaan dan kualiti kepimpinan pihak pengurusan serta sokongan padu dan semangat berpasukan yang ditunjukkan oleh semua anggota LPP.

Ciri-ciri positif yang dipupuk ini jelas membuktikan bahawa kejayaan boleh dicapai sekiranya diiringi dengan azam yang kuat dan usaha yang gigih.

4. Saya turut gembira melihat tahap keupayaan LPP yang semakin meningkat kebelakangan ini. Jikalau penubuhan asal LPP adalah bertujuan untuk memberi perkhidmatan sosial kepada peladang-peladang, kini peranannya dipertingkatkan untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada golongan peladang, termasuklah mewujudkan pertubuhan- pertubuhan peladang yang lebih bercorak business oriented. Ini merupakan satu perkembangan positif yang kita semua patut banggakan. Jelas terbukti, LPP bukan saja telah menunaikan objektifnya untuk meningkatkan taraf sosial dan ekonomi peladang malah juga telah berjaya mencapai matlamat negara dalam pembangunan sektor pertanian .

5. Sebagai sebuah organisasi yang mana ahli-ahli Pertubuhan Peladang adalah pelanggan utamanya, peranan LPP dalam meningkatkan taraf sosial dan ekonomi mereka amatlah besar dan kritikal. Kepada peladang-peladang ini, LPP adalah tempat mereka menaruh harapan untuk membela nasib mereka. LPP juga dianggap sebagai tempat di mana mereka boleh mendapat bantuan untuk mengatasi segala masalah pertanian yang dihadapi. Selain itu, mereka juga memberi sepenuh kepercayaan kepada LPP untuk melakukan pelaburan demi meningkatkan taraf kehidupan mereka.

6. Berkat usaha usaha gigihnya, LPP telah berjaya mendokong tanggungjawab serta amanah tersebut sebaik- baiknya. Saya difahamkan juga bahawa melalui skim pelaburannya, LPP telah berjaya membela kepentingan lebih 800,000 keluarga tani daripada 283 buah Pertubuhan Peladang melalui pembelian saham serta berlandaskan prinsip-prinsip koperasi. Pelaburan peladang-peladang dalam Pertubuhan Peladang juga semakin hari semakin meningkat dan kini telah bernilai lebih RM37 juta. Saya percaya kejayaan ini adalah hasil daripada penerapan dan pengamalan nilai- nilai murni seperti akauntabiliti, integriti, bekerjasama, berdisiplin dan rasa tanggungjawab yang tebal yang wujud dalam setiap anggota LPP.

7. Saya yakin kejayaan LPP hari ini adalah merupakan hasil daripada satu synergy yang wujud di antara pergabungan dana peladang dengan anggota- anggota LPP yang berjumlah 2911 orang di seluruh negara. Melalui peningkatan kemahiran dan amalan kualiti yang diterapkan mulai tahun 1991, LPP melalui Pertubuhan Peladangnya telah mampu menghasilkan pertambahan dalam pendapatan peladang-peladang. Saya difahamkan juga bahawa kini terdapat penambahan pendapatan peladang seisi rumah yang melebihi garis kemiskinan iaitu daripada RM400.00 kepada RM 600.00 sebulan. Di samping itu LPP juga telah menghasilkan sejumlah 118 orang Peladang Jaya yang berpendapatan dalam lingkungan RM5,000.00 sebulan.

8. Keupayaan LPP untuk memperolehi kepercayaan golongan peladang terhadap khidmatnya tidak lain adalah hasil usaha gigih anggota-anggota LPP yang menekankan terhadap kualiti dan produktiviti yang tinggi. Kesan positifnya telah dapat dilihat melalui pertambahan ahli-ahli Pertubuhan Peladang, iaitu daripada seramai 375,942 orang pada tahun 1991, kepada 422,640 orang pada tahun 1995. Selaras dengan hasrat Y.A.B. Perdana Menteri, yang ingin melihat peladang-peladang kita berdikari tanpa dipengaruhi sindrom subsidi, LPP juga telah berjaya mengalihkan imej Pertubuhan Peladangnya daripada provider of subsidies kepada commercial enterprises.

9. Saya yakin bahawa gerakan kualiti yang dilaksanakan oleh LPP akan mampu membawa kejayaan yang lebih besar pada masa hadapan. Keyakinan ini adalah berasaskan hakikat bahawa pihak pengurusan LPP telahpun membina asas yang mantap bagi perkembangan budaya kualiti dalam organisasinya.

Asas-asas ini termasuklah pewujudan struktur pengurusan kualiti yang jelas, pelaksanaan strategi Pengurusan Kualiti Menyeluruh, pengamalan budaya korporat yang berlandaskan prinsip-prinsip kualiti dan juga pengamalan participative management.

10. Amalan participative management di LPP telah berjaya menggalakkan anggota-anggotanya memberi sumbangan bernas ke arah peningkatan kualiti perkhidmatan LPP. Amalan pengurusan begini berkait rapat dengan penerapan budaya kreativiti dan inovasi di kalangan anggota LPP. Keupayaan sesebuah organisasi untuk menjadi produktif bergantung kepada daya inovasi yang dimiliki oleh anggota-anggotanya. Daya inovasi perlu dijalankan secara berterusan bagi memperkayakan keluaran dengan ciri-ciri baru yang dapat menambat hati pelanggan.

Berhubung dengan ini, saya difahamkan bahawa LPP telah berjaya menghasilkan inovasi-inovasi dalam sistem pengurusan kewangannya yang terangkum dalam Sistem Perakaunan Berkomputer Pertubuhan Peladang. Program ini telah membolehkan proses penyediaan dan pengemaskinian pelbagai laporan kewangan yang diperlukan dengan lebih mudah, cepat, tepat dan menjimatkan kos. Dengan sistem baru ini, kedudukan kewangan LPP dapat diketahui dengan mudah pada bila-bila masa ianya dikehendaki. Ini juga telah dapat mempercekapkan pengurusan kewangan malah meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan pengurusan kewangan LPP.

11. Walaupun sistem pengurusan kualiti yang sedia ada telah berjaya meningkatkan kualiti perkhidmatan awam, namun ekspektasi pelanggan terus meningkat.

Usaha Kerajaan untuk memperkenalkan standard kualiti antarabangsa ISO 9000 dalam perkhidmatan awam merupakan satu inovasi penting ke arah meningkatkan lagi prestasi agensi-agensi sektor awam. Saya percaya bahawa kita akan dapat memanfaatkannya ke dalam program pembaharuan pentadbiran sekarang yang sememangnya telah menyediakan asas yang kukuh bagi membolehkan pelaksanaan MS ISO 9000 ini.

12. Melalui pengalaman-pengalaman lepas, Kerajaan menyedari bahawa komitmen pengurusan atasan adalah faktor yang terpenting untuk menentukan kejayaan atau kegagalan sesuatu program itu. Sekiranya pengurusan atasan mempunyai komitmen yang tinggi terhadap pelaksanaan program-program kualiti di dalam organisasinya, kejayaan pasti menjadi kenyataan. Dalam melaksanakan MS ISO 9000 ini juga, pihak pengurusan atasan bukan sahaja perlu mengetahui dan memahami proses-proses yang terkandung di dalamnya, bahkan mesti mengambil peranan untuk mengetuai serta memikul tanggungjawab sebagai pemimpin untuk merealisasikan pelaksanaannya.

13. Saya merasa terharu dengan sambutan positif yang telah diterima mengenai pelaksanaan MS ISO 9000 di kalangan agensi-agensi Kerajaan. Kebanyakannya telah menunjukkan minat mereka untuk mengenali dan mengambil inisiatif untuk melaksanakannya. Semoga dengan komitmen dan kerjasama yang aktif dari agensi-agensi sektor awam ini, hasrat Kerajaan untuk meningkatkan kecemerlangan perkhidmatan awam akan tercapai. Ini merupakan sebagai suatu batu loncatan ke arah matlamat Perkhidmatan Awam Malaysia meningkatkan tahap kualiti perkhidmatannya hingga mencapai taraf world class.

14. Saya sedar bahawa usaha-usaha untuk meningkatkan tahap dan mengekal kecemerlangan prestasi di kalangan anggota sesebuah organisasi bukanlah sesuatu yang mudah dilakukan. Sebaliknya pula ia bukan sesuatu yang mustahil untuk dicapai.

Pembentukan budaya perkhidmatan cemerlang memerlukan penglibatan setiap anggotanya secara menyeluruh.

Sekiranya semua peringkat anggota organisasi berazam serta yakin dapat menghasilkan perkhidmatan berkualiti, maka budaya kualiti akan tersendirinya tertanam sebagai amalan harian dalam pengurusan pejabat.

15. Kejayaan kita dalam mempertingkatkan kualiti organisasi adalah merupakan petanda yang positif ke arah melahirkan sebuah perkhidmatan awam yang mampu menempa kemajuan dan kejayaan yang lebih menyerlah lagi di masa hadapan. Walaupun kita telah menikmati kejayaan demi kejayaan, ini tidak bermakna kita harus berpuashati dengan pencapaian tersebut. Kita perlu terus berusaha untuk mencapai kecemerlangan agar pencapaian hari ini dapat menjamin kejayaan berterusan di hari esoknya. Kita seharusnya memberi penekanan untuk memperkayakan minda, pemikiran dan tingkah laku kita supaya tidak terjebak dalam budaya complacent. Kita perlu sentiasa memperluaskan paradigma serta berusaha untuk mempelbagaikan keupayaan kita agar mampu mencapai hasil kerja yang lebih cemerlang daripada apa yang ada sekarang.

Hanya dengan cara ini barulah kita dapat menjamin pencapaian kualiti dan kemantapan jentera pentadbiran awam. Saya yakin bahawa para pemenang anugerah pada majlis ini telah dapat menanamkan sikap positif dan budaya kerja berkualiti yang mampu menangani rintangan tugas demi mencapai kecemerlangan, baik secara individu mahupun berpasukan.

16. Akhirkata, pada mereka ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah, dan berharap agar pencapaian mereka dapat merangsangkan anggota-anggota lain untuk menambahbaik prestasi kerja serta mencapai kejayaan di masa depan. Mereka yang berjaya menonjolkan prestasi yang cemerlang haruslah terus mempertingkatkan daya kerja dan produktiviti dalam apa jua tugas yang dilaksanakan.

Pengiktirafan yang diterima pada malam ini harus mampu menyemarakkan lagi semangat perjuangan agar LPP dapat terus maju ke hadapan demi menjamin ketinggian imej LPP, dan kecemerlangan perkhidmatan awam negara pada setiap masa.